

TARIKH: 7/7/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 7

# Pusat dialisis pertama milik PERKESO dibuka

## Memenuhi keperluan rawatan dialisis yang semakin meningkat

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA/Foto ASRIL ASWANDI SHUKOR

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melakar sejarah dengan membuka pusat dialisis pertama miliknya, demi menampung keperluan rawatan pesakit buah pinggang di negara ini yang semakin meningkat.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, usaha terbaharu dirintis agensi dinaungi kementerian itu mampu menyediakan rawatan kepada 150 pesakit setiap hari sekiranya beroperasi dengan kapasiti penuh.

Beliau bagaimanapun memaklumkan bahawa pihaknya ketika ini hanya memiliki

enam mesin rawatan dan mampu merawat 25 orang pesakit setiap hari menerusi dua syif.

"Kami akan tambah tiga lagi mesin yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan manakala 16 masih menunggu kelulusan. Inisiatif ini bukan sahaja untuk membantu PERKESO tapi juga pesakit buah pinggang kerana mereka memerlukan perbelanjaan rawatan kira-kira RM2,000.

"Pembukaan pusat dialisis ini bukan bermatlamat untuk menjana keuntungan semata-mata. Kalau ikutkan, jumlah kos yang ditanggung PERKESO bagi membiayai rawatan dialisis kepada pencarum meningkat

**“Justeru penubuhan dialisis milik PERKESO ini adalah satu langkah tepat bagi menjimatkan aspek perbelanjaan.”**

Menteri Sumber Manusia,  
V. Sivakumar

saban tahun," katanya selepas merasmikan pusat dialisis itu pada Khamis.

Tambah Sivakumar, PERKESO mula menanggung pembiayaan rawatan dialisis kepada pencarum-pencarum yang mengalami kegagalan buah pinggang pada tahun 1999, dengan kos keseluruhan bagi tempoh satu tahun ketika itu sebanyak RM1.12 juta.

Katanya, kadar tanggungan kos bagi tujuan memperuntukkan rawatan dialisis terus merekodkan peningkatan berlipat kali ganda dan dijangka mencecah lebih RM500 juta setahun dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Bagi tempoh antara Januari hingga Mei 2023, PERKESO telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak RM145.3 juta



Sivakumar (dua dari kiri) menyantuni penerima faedah PERKESO, Abdullah Sahak, sempena majlis perasmian Pejabat PERKESO & Pusat Dialisis PERKESO (Cawangan Klang) pada Khamis.

untuk membiayai kos rawatan dialisis dan dijangka melonjak memandangkan PERKESO menerima 2,000 hingga 3,000 permohonan pesakit baharu setiap tahun.

"Justeru penubuhan dialisis milik PERKESO ini adalah satu langkah tepat bagi menjimatkan aspek perbelanjaan. Hasil keuntungan daripada penjimatan ini boleh disalurkan semula dalam bentuk faedah lain kepada pencarum," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan pihaknya kini sedang merancang untuk mengembangkan operasi pusat dialisis ini ke tempat lain antaranya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Kuantan (Pahang) serta Terengganu agar lebih ramai menerima manfaatnya.



Sivakumar ketika menyantuni seorang pesakit yang menerima rawatan di Pusat Dialisis PERKESO di Klang pada Khamis.

Sinar Harian  
7/7/23